



Seminar Pengurusan LEAN Sektor Awam

Seminar Pengurusan LEAN Sektor Awam telah diadakan pada 16 Mac 2015 bertempat di Dewan Jubli Perak, INTURA. LEAN merupakan salah satu elemen di dalam Sistem Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM) yang memberi tumpuan kepada mengenalpasti dan menghapuskan aktiviti yang tidak memberi nilai tambah (pembaziran kerja) kepada pelanggan dalam sesuatu proses.

Objektif seminar ini diadakan adalah untuk memberikan pendedahan dan membantu organisasi ke arah pelaksanaan LEAN Sektor Awam dan memberikan kesedaran supaya organisasi terus melakukan usaha penambahbaikan menerusi Pengurusan LEAN setelah berjaya mengamalkan 5S. Ceramah yang disampaikan oleh En. Josffa Ismail daripada *Malaysian Productivity Corporation*



Hadirin memenuhi dewan

(MPC) telah memberikan gambaran yang jelas tentang peranan MPC dalam mentransformasi pelaksanaan Pengurusan LEAN Kepada sektor awam juga swasta. Pengurusan LEAN merupakan kesinambungan program 5S yang telah diamalkan oleh organisasi-organisasi yang mana lebih tertumpu kepada persekitaran berkualiti di tempat kerja manakala Pengurusan LEAN pula lebih memfokuskan kepada penghapusan pembaziran di tempat kerja dan juga aktiviti-aktiviti yang tidak memberikan nilai tambah kepada pelanggan.

MPC begitu komited dalam memperkenalkan Pengurusan LEAN kepada Sektor Perkhidmatan dengan berteraskan kepada lima prinsip LEAN iaitu Menenalpasti Nilai, Pemetaan Aliran Proses, Penghasilan Aliran Proses, Menenalpasti Kehendak Pelanggan dan Kesempurnaan. Selain itu, MPC juga menekankan perihal impak atau kesan yang akan diperolehi oleh organisasi yang melaksanakan Pengurusan LEAN kepada lima kategori utama iaitu Masa, Kos, Hasil, Kualiti Perkhidmatan dan Proses.



Penerangan daripada En. Josffa Ismail (MPC)

Synchronisation of Mind 3/2015

Majlis *Synchronisation of Mind* (SoM) Bil. 3/2015 telah diadakan pada 26 Mac 2015 bertempat di Dewan Jubli Perak, INTURA. Di dalam majlis ini, Dr. Zurina bt. Abdul Hamid, Pengarah INTURA telah berkongsi beberapa langkah penjimatan yang dilakukan oleh INTURA untuk menjimatkan kos terutamanya kos utiliti INTURA. Antaranya ialah pengu-

bahsuaian menu sajian, memberi kesedaran kepada peserta tentang langkah penjimatan dan memastikan agensi yang berkursus mengemukakan bayaran terlebih dahulu sebelum menggunakan fasiliti di INTURA.

Majlis SoM ditangguhkan pada pukul 11.00 pagi dan diteruskan dengan Mesyuarat Agung KESKI Sesi 2014/2015. Mesyuarat Agung dengan pemilihan ini menyaksikan beberapa penyandang jawatan yang lama masih dikekalkan untuk menerajui kelab bagi tempoh dua tahun akan datang. Selain itu, mesyuarat juga bersetuju untuk menaikkan kadar yuran sedia ada bagi menambahkan pendapatan kelab supaya lebih banyak aktiviti dapat dijalankan.



PWU mengajak warga untuk sama-sama berjimat-cermat

Why GST?

GST is proposed to replace the current consumption tax i.e. the sales tax and service tax (SST). The introduction of GST is part of the Government's tax reform programmed to enhance the efficiency and effectiveness of the existing taxation system.

GST is proven to be a better tax system as it is more effective, efficient, transparent and business friendly and could spur economic growth as well as increase competitiveness in the global market.

GST is capable of generating a more stable source of revenue to the nation because it is less susceptible to economic fluctuations.

It is important to replace the existing SST in order to eliminate its inherent weaknesses such as cascading and compounding effects, transfer pricing and value shifting, no complete relief on goods exported, discourage vertical integration, administrative bureaucratic red tape, classification issues and etc.

Various benefits that GST can offer to Malaysian consumers and businesses are:

- **Improved Standard of Living**

The revenue from GST could be used for development purposes for social infrastructure like health facilities and institutions, educational infrastructures and public facilities to further improve the standard of living.

- **Lower Cost of Doing Business**

Under the current system, some businesses pay multiple taxes and higher levels of tax-on-tax (cascading tax). With GST, businesses can benefit from recovering input tax, thus reducing cost of doing business.

- **Nation-Building**

GST is a better and more efficient method of revenue collection for the government. More funds can be channeled into nation-building projects for progress towards achieving a high income nation.

- **Fairness and Equality**

With the GST, taxes are levied fairly among all the businesses involved, whether they are in the manufacturing, wholesaling, retailing or service sectors.

- **Enhanced Delivery System**

GST will be administrated in a fully computerized environment, therefore speeding up the delivery, especially for refund claims. This makes it faster, more efficient and reliable.

- **Increase Global Competitiveness**

Prices of Malaysian exports will become more competitive on the global stage as no GST is imposed on exported goods and services, while GST incurred on inputs can be recovered along the supplies chain. This will strengthen our export industry, helping the country progress even further.

- **Enhanced Compliance**

The current SST has many inherent weaknesses making administration difficult. GST system has in-built mechanism to make the tax administration self-policing and therefore will enhance compliance.

- **Reduces Red Tape**

Under the present SST, businesses must apply for approval to get tax-free materials and also for special exemption for capital goods. Under GST, this system is abolished as businesses can offset the GST on inputs in their returns.

- **Fair Pricing to Consumers**


GST eliminates double taxation under SST. Consumers will pay fairer prices for most goods and services compared to SST.

- **Greater Transparency**


Unlike the present sales tax, consumers would benefit under GST as they will know exactly whether the goods they consume are subject to tax and the amount they pay for.

Extract from www.customs.gov.my


Bahan Bacaan Pilihan Bulan Mac



Buku ini memuatkan penawar kepada beberapa penyakit melalui pengubatan al-Quran yang dihasilkan berdasarkan kajian dan analisis untuk diamalkan. Ianya boleh dijadikan rujukan dan panduan terutamanya kepada umat Islam untuk berusaha sendiri merawat, mencegah dan menyembuhkan penyakit yang dihidapi.



Buku ini mendedahkan enam tren mega akan memberi kesan kepada pasaran secara mendadak, budaya, sistem dan proses organisasi dalam memacu kejayaan sesebuah organisasi. Enam 'megatrend' itu ialah Globalisasi 2.0, Krisis Environmental, Individualisme dan Nilai Pluralisme, Era Digital, Perubahan Demografi, dan Teknologi Menumpu.



Buku ini menyediakan segalanya yang diperlukan untuk berdaya saing dan mengembangkan jenama dan bisnes anda melalui kuasa percakapan dan media sosial. Ianya akan membantu anda mengetahui di mana dan bagaimana pelanggan anda bercakap tentang jenama anda, berhubung terus dengan pelanggan yang paling berpengaruh dan mencipta sesuatu yang boleh menarik pelanggan baru.



BACAAN DOA DARIPADA EN. NORDIN...PENUH PENGHAYATAN



PN. HASIDAH MENERIMA ANUGERAH PEKERJA CONTOH BULANAN



HELLO...HABAQ KAT GENG DAPOQ MAI DAFTAR LEKAIH... KESKI BAGI KEK NI...

MAJLIS SOM & MESYUARAT AGUNG KESKI 2014/2015



LA... DAPAT KEYCHAIN JA KA?

TUNGGU SAT... KEK TAK SAMPAI LAGI

HEHE...KITA TENGOK SAPA YANG KENA...



SATGI HANG CADANG EN. GHAFFAR JADI PRESIDEN TAU...



DEPA BUKAN TAU AKU KIRA BETOI KA DAK...HAHA



SAPA SOKONG EN. GHAFFAR JADI PRESIDEN?



DEPA NI AWAT TAK MAU ANGKAT TANGAN TAK TAU...



SAYA CADANGKAN CADANGAN DITUTUP

EN. RAMZI DAH CUAK



EH, AKU NAK SOKONG KA DAK?

SOKONGGG!!!

KAMI SOKONGGG!!!



INGATKAN SELAMAT DAH TAK JADI PRESIDEN, NAIK JUGAK NAMA PEGANG J/K KEBAJIKAN... HMM...

EN. RAMZI MUKA PASRAH

Hadis Pilihan

Amalan Yang Terbaik Dalam Islam

Hadis

Daripada Abdullah bin Amru bin al-'As RA, bawasanya seorang lelaki telah bertanya kepada Rasulullah SAW, "Apakah amalan yang terbaik dalam Islam?" Baginda bersabda, "Memberi makan makanan dan memberi salam kepada orang engkau kenal dan orang yang engkau tidak kenal".

Huraian

- 1) Orang Islam hendaklah sentiasa memberi sedekah kepada orang yang memerlukan bantuan kerana ia adalah di antara amalan yang terpuji dalam Is-

lam.

- 2) Islam menyuruh umatnya supaya memberi salam kepada orang yang ditemui sama ada dikenali atau pun tidak dikenali.
- 3) Digalakkan memberi jamuan dalam bentuk sedekah, hadiah, menghormati tetamu dan sebagainya dan juga memberi salam kepada orang yang dikenali atau tidak dikenali untuk menimbulkan rasa kasih sayang sesama muslim.

Sumber: JAKIM

Did You Know

WhatsApp

is an instant messaging app for smartphones that operates under a subscription business model. The proprietary, cross-platform app uses the Internet to send text messages, images, video, user location and audio media messages.

In January 2015, WhatsApp was the most globally popular messaging app with more than 700 million active users, with India alone having a user base of more than 70 million. WhatsApp Inc., based in Mountain View, California, was acquired by Facebook on February 19, 2014, for approx. US\$19 billion.

www.wikipedia.org



1 Sentiasa Di Hadapan Memacu Transformasi Melalui Pembelajaran



INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA
KAMPUS WILAYAH UTARA
PETI SURAT 94, JALAN KUALA KETIL
08007 SUNGAI PETANI, KEDAH
Tel : 04-4218321 Fax : 04-4214489

www.intanbk.intan.my/intura

maklumbalas@intura.intan.my

INTAN Kampus Wilayah Utara

Kursus Sepanjang April 2015

KURSUS BERJADUAL

1. Kursus Microsoft Tips and Tricks
06/04/2015 hingga 07/04/2015
2. Kursus Kecemerlangan Pasukan Pelaksana
20/04/2015 hingga 23/04/2015
3. KPGA GST Advocators
06/04/2015 hingga 08/04/2015
4. Kursus Pengukuhan Pasukan (Gred 1-38)
20/04/2015 hingga 23/04/2015
5. Bengkel Fasilitator KIK
06/04/2015 hingga 08/04/2015
6. Bengkel Pengurusan Fail dan Rekod
20/04/2015 hingga 23/04/2015
7. Kursus Kecemerlangan Pasukan SUK Kedah
06/04/2015 hingga 09/04/2015
8. Kursus Pengurusan Stor
13/04/2015 hingga 16/04/2015
9. Kursus Pengukuhan Pasukan (BK JPA)
13/04/2015 hingga 16/04/2015
10. Bengkel Pengurusan Stress
14/04/2015 hingga 15/04/2015



Untuk pertanyaan kursus hubungi : **Setiausaha Kursus**

04-4218321

samb. **238** (En. Zamri b. Mohd Noor/Pn. Nazmeen bt. Shaik Daud)

samb. **118** (Pn. Mimi Noorzan bt. Abd Hamid/ Pn. Zuraida bt. Chin)